

TERMA DAN SYARAT TAMBAHAN KEMPEN *DUITNOW WITH PUBLIC BANK*

Terma dan Syarat Tambahan ini hendaklah dibaca bersama-sama dengan Terma dan Syarat Kempen PayNet's Treasure Chest ("Promosi") yang boleh didapati melalui www.duitnow.my.

1. Kempen

- 1.1 Seiring dengan Promosi itu, kempen promosi "DuitNow with Public Bank" ("**Kempen**") anjuran Public Bank Berhad (6463-H) ini akan berlangsung dari 8 Januari 2019 hingga 31 Mei 2019, termasuk kedua-dua tarikh ("**Tempoh Kempen**") kecuali dimaklumkan sebaliknya.

2. Kriteria Kelayakan dan Yang Melayakkan

- 2.1 Kempen ini terbuka kepada semua pelanggan Perbankan Peribadi PBe Public Bank Berhad dan Public Islamic Bank Berhad ("**PIBB**") ("Pelanggan") baharu dan sedia ada.
- 2.2 Untuk mengambil bahagian, Pelanggan perlu:
 - a) Mendaftar ID DuitNow beliau dengan PBB sebelum atau semasa Tempoh Kempen;
 - b) Menghantar minimum sebanyak RM10 dengan DuitNow melalui PBe atau PB engage semasa Tempoh Kempen;
 - c) Menerima minimum sebanyak RM10 dalam akaun beliau melalui DuitNow semasa Tempoh Kempen.
- 2.3 Setiap DuitNow yang dihantar melalui PBe atau PB engage akan memberi satu (1) penyertaan kepada Pelanggan berkenaan.
- 2.4 Apa-apa urusan niaga yang dibuat semasa bulan Kempen* sebelum Pelanggan mendaftar akan juga dianggap sebagai penyertaan yang layak dengan syarat kriteria yang dinyatakan dalam 2.2 dipenuhi.

**Hanya diterima pakai bagi bulan kempen semasa. Misalnya: Jika Pelanggan mendaftar untuk DuitNow pada 15 Februari. Urusan niaga yang dibuat dari bulan kempen sebelumnya tidak layak untuk penyertaan.*

- 2.5 Kakitangan Kumpulan Public Bank tidak layak untuk mengambil bahagian.
- 2.6 Dengan mengambil bahagian dalam Kempen ini, Pelanggan: -
 - i. bersetuju bahawa terma dan syarat sedia ada yang mengawal pendaftaran dan penggunaan PBe dan PB engage akan terus diterima pakai;
 - ii. bersetuju bahawa beliau telah membaca, memahami dan dengan ini secara nyata bersetuju untuk mematuhi Terma dan Syarat Tambahan ini dan bersetuju bahawa keputusan PBB adalah muktamad, mengikat dan konklusif. Tiada rayuan, surat-menyurat, pertanyaan atau bantahan akan dilayani; dan
 - iii. bersetuju untuk mengakses laman web PBB www.pbebank.com pada sela masa biasa untuk membaca Terma dan Syarat Tambahan ini dan memastikan bahawa beliau mengetahui mengenai apa-apa perubahan terkini.

3. Tempoh Kempen

- 3.1 Tempoh Kempen berlangsung selama empat (4) Bulan Kempen mulai 8 Januari 2019 hingga 31 May 2019, seperti yang berikut:

Bulan Kempen	Tarikh
Bulan Pertama: Januari	8 Januari – 31 Januari 2019, 23:59:59
Bulan ke-2: Februari	1 Februari – 28 Februari 2019, 23:59:59
Bulan ke-3: Mac	1 Mac – 31 Mac 2019, 23:59:59
Bulan ke-4: April	1 April – 30 April 2019, 23:59:59
Bulan ke-5: Mei	1 Mei – 31 Mei 2019, 23:59:59

4. Hadiah Kempen

- 4.1 E-baucar Shopee setiap bulan bernilai RM20 akan diberi kepada 2500 orang pemenang sepanjang lima (5) Bulan Kempen.
- 4.2 E-baucar tersebut tidak boleh dipindah milik, tidak boleh dirunding dan tidak boleh diperbaharui selepas tamat tarikh.
- 4.3 E-baucar hanya boleh diguna untuk produk Shopee Mall & Penjual Pilihan sahaja.
- 4.4 E-baucar tidak boleh digunakan untuk kategori Lampin & Potties, Makanan Bayi & Formula Bayi, Tiket & Baucar, Tambah Nilai Telefon Bimbit, Tambah Nilai Permainan, & S-Mart Milo.
- 4.5 Tidak boleh digunakan untuk pembayaran melalui Perjanjian Penjual-Pembeli.
- 4.6 E-baucar hanya boleh digunakan untuk pembelian menerusi aplikasi Shopee.

5. Mekanisma Kempen

- 5.1 Sebaik sahaja Pelanggan melaksanakan kriteria seperti dalam 2.2, setiap urus niaga berikutnya dalam apa juga jumlah yang dihantar dengan DuitNow sepanjang Tempoh Kempen akan memberi Pelanggan satu (1) penyertaan tambahan.
- 5.2 Tiada had bagi bilangan penyertaan yang Pelanggan boleh sertai.
- 5.3 Dengan penyertaan terkumpul pada akhir setiap Bulan Kempen, PBB akan memilih 500 orang pemenang berdasarkan kriteria yang telah ditetapkan terlebih dahulu iaitu jumlah bilangan penyertaan yang layak dibahagikan dengan 500. Misalnya, jika terdapat 50,000 penyertaan untuk satu Bulan Kempen, jumlah penyertaan akan dibahagikan dengan 500 dan pemenang yang disenarai pendek adalah peserta ke-100 yang layak misalnya yang ke-100, ke-200, ke-300 dan seterusnya.
- 5.4 Pemilihan pemenang yang terakhir adalah mengikut budi bicara PBB. Keputusan PBB mengenai semua perkara berkaitan dengan Kempen adalah muktamad dan mengikat dan tiada surat-menyurat atau cubaan untuk mempertikaikan keputusan berkenaan akan dilayani.

- 5.5 Setiap Pelanggan hanya boleh memenangi satu (1) e-baucar Shopee setiap bulan sepanjang Tempoh Kempen.
- 5.6 Pemenang yang terpilih akan menerima e-baucarnya melalui SMS dalam tempoh empat belas (14) hari selepas akhir setiap Bulan Kempen.
- 5.7 Pemenang hadiah dari Bulan Kempen sebelumnya tidak layak untuk memenangi e-baucar pada Bulan Kempen berikutnya semasa Tempoh Kempen berkenaan.

6. Hak PBB

- 6.1 Bank boleh meminda, memotong dan/atau membuat penambahan pada Terma dan Syarat Tambahan ini dari semasa ke semasa dengan memberi notis awal sekurang-kurangnya dua puluh satu (21) hari kalendar melalui laman web PBB atau melalui apa-apa cara komunikasi yang diluluskan. Pindaan, pemotongan atau penambahan sedemikian akan berkuat kuasa pada tarikh yang PBB akan tentukan.
- 6.2 Sekiranya terdapat pertikaian, percanggahan dan kelainan dalam terma dan syarat antara versi Bahasa Inggeris dengan versi Bahasa Malaysia, terma dan syarat versi Bahasa Inggeris akan diterima pakai.

Terma dan Syarat Tambahan serta Terma dan Syarat Promosi ini (secara kolektif dikenali sebagai “Terma dan Syarat”) akan mengikat Pelanggan yang mengambil bahagian dalam Promosi ini. Takrifan Terma dan Syarat ini akan diterima pakai kecuali dinyatakan sebaliknya dalam Terma dan Syarat Tambahan. Sekiranya berlaku ketidakseragaman di antara Terma dan Syarat Tambahan dengan Terma dan Syarat Promosi, Terma dan Syarat Promosi ini akan diterima pakai setakat mana ketidakseragaman berkenaan berlaku.